

FATWA BERKAITAN BUKAN MUSLIM: ANALISIS TERHADAP SUMBER PENGHUJAHAN DALAM FATWA NEGERI PERAK

FATWA ON NON-MUSLIMS: AN ANALYSIS OF THE SOURCES OF LEGAL REASONING IN THE PERAK STATE FATWA

Mohd Faizal Abdul Khir

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mel: drfaizal@usas.edu.my

Abstrak

Fatwa merupakan salah satu institusi penting dalam sebuah masyarakat Islam. Ia memberikan hukum dan memperjelaskan isu yang timbul dalam masyarakat. Dalam realiti Malaysia ia turut berkait rapat dengan golongan bukan muslim kerana komposisi multi agama yang amat rencam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, fatwa yang dikeluarkan perlu mampu mencakupi elemen-elemen yang melibatkan golongan bukan muslim. Sewajarnya penghujahan yang dikemukakan dalam fatwa yang berkaitan dengan golongan bukan Islam adalah merupakan hujah yang kukuh dan diterima. Justeru, kertas ini bertujuan untuk menganalisis aspek penghujahan dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berkaitan bukan muslim. Secara khususnya penilaian dilihat dari sudut penghujahan yang dikemukakan bagi menetapkan sesuatu fatwa. Ianya tertumpu kepada fatwa yang telah diterbitkan dari tahun 1994 sehingga 2015. Untuk mencapai objektif, perbahasan kertas ini dibina berdasarkan kepada sumber kepustakaan. Seterusnya maklumat dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif dan komperatif. Kertas ini dimulai dengan pendahuluan yang menerangkan secara umum tentang kertas ini. Berikutnya perbahasan tertumpu kepada aspek fatwa yang telah diterbitkan dari tahun 1994 sehingga 2015. Kemuncak perbahasan adalah menganalisis penghujahan dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berkaitan bukan muslim. Kertas ini merumuskan bahawa sumber penghujahan dalam fatwa negeri Perak tidak terhad kepada sumber tradisional sahaja tetapi juga sumber-sumber semasa.

Kata kunci: fatwa, Perak, bukan muslim, penghujahan, usul al-fiqh

Abstract

Fatwa is an important institution in Islamic society. It provides legal rulings and clarifies issues that arise within the community. In the context of Malaysia, it is closely relevant to non-Muslims, given the country's diverse multi-religious population. Accordingly, the fatwas issued must encompass elements involving non-Muslims. Ideally, the arguments presented in fatwas concerning non-Muslims should be well-founded and widely accepted. Therefore, this paper aims to analyze the aspects of reasoning behind fatwas issued by the Perak State Fatwa Committee concerning non-Muslims. Specifically, the analysis focuses on the arguments used to establish a fatwa. It emphasises on fatwas published from 1994 to 2015.

To achieve the objective, the discussion is based on literature sources and the information is analysed using thematic, descriptive, inductive, and deductive methods. This paper begins with an introduction that broadly outlines its content. The discussion then focuses on the aspects of fatwas published from 1994 to 2015. The culmination of the discussion is the analysis of the reasoning in fatwas issued by the Perak State Fatwa Committee concerning non-Muslims. This paper concludes that the sources of reasoning in the fatwas of Perak are not limited to traditional sources, but also incorporates contemporary sources.

Keywords: fatwa, Perak, non-muslims, reasoning, usul al-fiqh

Pengenalan

Fatwa merupakan salah satu institusi penting dalam sebuah masyarakat Islam. Ia memberikan hukum dan memperjelaskan isu yang timbul dalam masyarakat. Dalam realiti Malaysia ia turut berkait rapat dengan bukan muslim kerana komposisi multi agama yang amat rencam. Ia memiliki kepelbagaian agama yang signifikan di antara penduduknya. Agama-agama utama yang dianut di Malaysia meliputi Islam, Buddha, Hindu, dan Kristian. Selain itu, terdapat penganut agama dan kepercayaan lain seperti Sikh, Taoisme, dan Bahai. Di samping menjaga kemaslahatan umat Islam, hak dan kemaslahatan bukan Islam turut menjadi sebahagian tanggungjawab pemerintah. Pertimbangan yang sewajarnya perlu diberikan. Sebahagian pengkaji berpandangan isu berkaitan konflik agama sememangnya wujud di Malaysia, namun ia masih terkawal (Yusuff, 2015). Menurut Shamsul Amri Baharuddin, keadaan Malaysia boleh dilihat sebagai *a state of stable tension* iaitu keadaan yang stabil walaupun masih wujud ketegangan (Embong, 2022). Yasin dan Adam (2015) menukilkan pandangan Khoo Kay Kim yang menyatakan Malaysia berada dalam keadaan '*worrying and fragile state*'.

Sehubungan dengan itu, fatwa yang dikeluarkan dan menyentuh bukan muslim perlu diberikan perhatian. Justeru, kertas ini bertujuan untuk menganalisis aspek penghujahan dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berkaitan bukan muslim. Secara khususnya penilaian dilihat dari sudut sumber penghujahan yang dikemukakan bagi menetapkan sesuatu fatwa. Sumber penghujahan amat penting untuk diperhalusi kerana ia merupakan asas kepada kekuatan sesebuah fatwa yang dikeluarkan. Kertas ini memberikan tumpuan kepada fatwa yang telah diterbitkan dari tahun 1994 sehingga 2015 yang merupakan himpunan fatwa yang telah dikumpulkan dan diterbitkan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Perak.

Prinsip pemfatwaan negeri Perak berdasarkan kepada Enakmen 4 Tahun 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional, Seksyen 43. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti. Ia dinyatakan seperti berikut (Dewan Undangan Negeri Perak, 2004):

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakunkan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafi'i.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab Syafi'i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil,

Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa boleh membuat fatwa itu mengikut ijтиhad tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.”

Dapat dirumuskan bahawa prinsip asas kefatwaan di negeri Perak adalah berasaskan kepada Mazhab Syafi'i. Namun begitu, pandangan daripada mazhab lain dan juga ijтиhad yang bebas tanpa terikat dengan mana-mana mazhab adalah dibenarkan mengikut kepada keperluan. Walau pun sebahagian ulama menolak proses penganungan syariat Islam (al-Shathari, 2007) namun ia merupakan sebahagian dari keperluan semasa bagi memastikan pengurusan yang baik dan teratur.

Metodologi

Penulisan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini mengaplikasikan dengan semaksimanya metode kepustakaan. Ia merupakan teknik mendapatkan data dan bukti melalui kajian terhadap dokumen dan rekod (Abu Bakar, 1987). Surachmad (1970) menegaskan bahawa perpustakaan diakui umum sebagai sumber utama bagi setiap penyelidik.

Metode dokumentasi turut diaplikasikan dalam proses pengumpulan data. Sebahagian pengkaji menyamakan metode ini dengan metode sejarah atau historis disebabkan persamaan sumber kedua-duanya iaitu berdasarkan dokumen-dokumen (Surachmad, 1970). Namun begitu, metode ini mempunyai pengertian yang tersendiri yang berlainan daripada metode sejarah iaitu satu kaedah pengumpulan data dilakukan terhadap bahan-bahan penulisan yang mengandungi maklumat-maklumat tentang fenomena yang hendak dikaji (Bailey, 1994).

Kertas ini berasaskan kepada dokumen yang dikeluarkan oleh Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak. Dokumen tersebut dalam bentuk buku tanpa tarikh cetak dan tanpa syarikat pencetak. Ia mengandungi 31 buah fatwa yang dihimpunkan sepanjang 1994 sehingga 2015. Hanya empat fatwa sahaja yang mempunyai perkaitan rapat dengan bukan muslim iaitu (1) Fatwa Mengenai Kedudukan Senaman Yoga di Kalangan Umat Islam, Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja, Fatwa Mengenai Perlantikan Peguam Syarie di kalangan Orang Bukan Islam dan Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat Utama di dalam Masjid (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Bagi tujuan analisis data, beberapa metode diaplikasi. Antaranya metode induktif yang merupakan satu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada satu kesimpulan yang bersifat umum. Babbie (1988) menyatakan, induktif bergerak daripada yang tertentu kepada yang umum, daripada satu set pengamatan yang khusus kepada penerokaan tentang suatu bentuk yang mewakili sebahagian tahap atau kedudukan sesuatu cara.

Selain itu, metode deduktif turut digunakan. Ia merupakan cara berfikir yang mencari rumusan dengan berdasarkan kepada dalil-dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat khusus. Babbie (1988) menerangkan tentang metode ini sebagai ‘bergerak daripada umum kepada

khusus'. Ianya bergerak daripada bentuk yang mungkin berlaku dari segi logik dan teori kepada pengamatan yang menguji samada bentuk yang dijangka itu benar-benar terjadi.

Metode analisis yang paling utama digunakan ialah metode komparatif iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara dua atau lebih data atau fakta yang diperolehi dengan adil semasa penelitian. Kajian ini akan menggunakan metode perbandingan bagi menilai fakta dan maklumat yang ada dalam tujuh enakmen yang berkaitan.

Dapatan dan Perbincangan

Sebagaimana yang telah dinyatakan, skop perbincangan kajian ini adalah berkaitan sumber penghujahan dalam fatwa. Justeru, dapatan dan perbincangan di bawah dipecahkan kepada beberapa sumber penghujahan yang telah digunakan dalam pemfatwaan. Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa-fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada empat sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran, hadis, qias dan *ijma'*. Di samping itu, ia juga turut menggunakan sumber sekunder dalam Islam.

Al-Quran

Al-Quran digunakan sebagai hujah dalam pengeluaran fatwa. Sebagai contoh dalam fatwa mlarang orang bukan Islam beramal sebagai Peguam Syarie (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th). Ayat-ayat al-Quran (5: 8, 42 & 57; 4: 105 & 60: 1) dijadikan sandaran. Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat utama di dalam Masjid turut dibincangkan (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th) dan ayat al-Quran (9: 18 & 28) dijadikan sebagai sandaran fatwa tersebut.

Penggunaan ayat al-Quran merupakan suatu keperluan dalam kefatwaan kerana ia merupakan sumber utama kepada Islam dan perundangannya. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (4: 59). Ia juga selaras dengan hadis Nabi S.A.W:

Maksudnya: Aku tinggal bagi kamu semua dua perkara yang kamu semua tidak akan sesat selagi mana kamu semua berpegang dengan kedua-duanya: Kitab Allah dan sunnah NabiNya S.A.W.

(H.R. Malik)

Namun begitu aspek *kaifiyyah dilalah al-lafz 'ala al-ma'na* (pengertian lafaz) perlu diberikan penekanan. Ia adalah penting agar penghujahan dan kekuatan penghujahan itu adalah jelas dan tepat.

Hadis

Hadis digunakan dengan sebaiknya dalam fatwa berkaitan bukan muslim. Sebagai contoh dalam pengharaman yoga (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th):

Daripada Abu Muhammad al-Hasan ibn Ali ibn Abu Talib R.A., cucu Rasulullah S.A.W dan kesayangan Baginda. Beliau berkata: Aku telah menghafal daripada Rasulullah S.A.W: Tinggalkanlah apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau.

(H.R. al-Tirmidhi)

Menjawab persoalan: Adakah boleh pemandu pelancong muslim mendoakan kesejahteraan kepada pelancong bukan Islam semasa mereka berada di masjid? Dua buah hadis dikemukakan sebagai hujah (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th):

1. Doa yang dipanjatkan oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada Allah bagi pengislaman Umar al-Khattab. "Ya, Allah, teguhkanlah Islam dengan Islamnya Abi al-Hakam bin Hisyam (Abu Jahal) atau Umar al-Khattab." (al-Tirmidhi).
2. Baginda mendoakan penduduk di Taif diberi hidayah oleh Allah S.W.T melalui doa yang dipanjatkan. "Ya Allah ya Tuhan, berilah petunjuk kepada kaumku kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th; al-Bayhaqi).

Penggunaan hadis adalah merupakan suatu keperluan dalam kefatwaan kerana ia merupakan sumber kedua kepada Islam dan perundangannya. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (4: 59) dan hadis Nabi S.A.W:

Maksudnya: Aku tinggal bagi kamu semua dua perkara yang kamu semua tidak akan sesat selagi mana kamu semua berpegang dengan kedua-duanya: Kitab Allah dan sunnah NabiNya S.A.W.

(H.R. Malik)

Namun begitu aspek *kaifiyyah dilalah al-lafz 'ala al-ma'na* perlu diberikan penekanan. Begitu juga aspek pensabitan hadis dan penukilannya. Tiada kaedah standard dalam menukilkan hadis Nabi S.A.W. Sebahagiannya dinyatakan sepenuhnya berserta terjemahan seperti hadis Thumamah bin Uthal. Ada yang dinyatakan hanya makna hadis dan ada yang dinyatakan dengan lafadz asalnya berserta *takhrij* (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th). Nukilan hadis dalam perbincangan fatwa wajar meraikan lafadz hadis, maknanya dan sumber ambilannya.

Ijma'

Ijma' dinyatakan sebagai salah satu sandaran dalam fatwa. Dalam Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja, asas pertimbangan fatwa menyatakan: "Penggunaan kalimah Allah kepada umat Kristian atau bangsa-bangsa yang lain adalah tidak bertepatan dan selari dengan prinsip-prinsip al-Quran, al-Sunnah dan *ijma'* kerana agama yang benar disisi Allah S.W.T hanya agama Islam. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (3: 19). Penggunaan *ijma'* adalah merupakan suatu keperluan dalam kefatwaan kerana ia merupakan antara sumber utama kepada Islam dan perundangannya. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (3: 115) dan hadis Nabi S.A.W:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak menghimpunkan umatku atas kesesatan. Pertolongan Allah adalah bersama dengan jemaah.

(H.R. al-Tirmidhi)

Oleh kerana itu, aspek ini perlu diberikan lebih penekanan dalam fatwa berkaitan bukan muslim. Hanya satu fatwa sahaja yang menggunakan elemen ini dengan penyataan yang terlalu ringkas.

Qias

Qias diterima pakai dalam fatwa yang dikeluarkan. Aspek qias dianalisis dalam nukilan perbincangan yang telah dirujuk. Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat Utama di dalam Masjid membentangkan dengan rumusan antara lain menyatakan, mengikut pendapat Mazhab Maliki, orang bukan Islam ditegah sama sekali memasuki masjid dan ruang solat utama kerana diqiaskan kepada orang musyrik itu tetap ada najis pada mereka melainkan dalam keadaan darurat (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam fatwa melarang orang bukan Islam beramal sebagai Peguam Syarie, asas pertimbangan fatwa menyatakan tentang analogi yang menghampiri qias: “Tanggungjawab menjadi seorang Peguam Syarie adalah suatu ibadah di sisi agama Islam dan bukan sekadar profesion semata-mata. Ia adalah tanggungjawab agama (*religious responsibility*) yang membawa bersama amanah dan tanggungjawab agama. Sebagai analogi, seruan jihad adalah suatu ibadah buat orang Islam yang mana umat Islam dipertanggungjawabkan dengan kewajipan untuk berjihad tetapi tiada seruan untuk berjihad bagi orang bukan Islam.” (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Penggunaan qias adalah keperluan dalam fatwa khususnya bagi isu-isu kontemporari yang tidak mempunyai nas secara sarih. Ia selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (3: 83). Justeru, penggunaan qias dalam fatwa berkaitan bukan muslim dapat memastikan fatwa dapat dikeluarkan dalam semua isu yang berlegar dalam masyarakat.

Penghujahan Berasaskan Ketetapan Negeri-negeri

Berdasarkan beberapa kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkaitan bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada ketetapan oleh negeri-negeri lain dalam Malaysia. Dalam fatwa melarang orang bukan Islam beramal sebagai Peguam Syarie, asas pertimbangan fatwa menyatakan: “Syarat supaya pemohon hendaklah beragama Islam untuk beramal sebagai Peguam Syarie juga terdapat di negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Perak, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang. Manakala Sarawak dan Perlis ada mensyaratkan pemohon mestilah berkemahiran dalam Hukum Syarak.” (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dapat dirumuskan bahawa penghujahan fatwa negeri Perak juga mengambil kira pelaksanaan hukum di negeri-negeri lain. Namun begitu, hanya satu fatwa sahaja yang mengambil kira aspek ini berbanding 3 fatwa lain yang tidak menyentuh ketetapan negeri-negeri lain. Sewajarnya ia diselaraskan (*standardize*) dalam semua fatwa yang berkaitan.

Penghujahan Berasaskan Pertimbangan Pandangan dan Mazhab

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkaitan bukan muslim, penghujahan yang dikemukakan memberikan penekanan terhadap pandangan pelbagai mazhab dalam Islam. Dalam Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat utama di dalam Masjid pandangan empat mazhab utama telah dikemukakan berserta dengan hujah dan dalil bagi setiap pandangan (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th):

1. Mazhab Hanafi membenarkan bukan Islam memasuki mana-mana masjid tanpa keizinan walau pun tanpa keperluan.

2. Mazhab Maliki mengharuskan bukan Islam memasuki Tanah Haram Mekah tetapi tidak Baitullah. Mereka juga tidak dibenarkan memasuki mana-mana masjid secara mutlak.
3. Mazhab Syafi'i dan Hanbali melarang bukan Islam memasuki Tanah Haram Mekah. Manakala masjid yang lain dibenarkan dengan tujuan dan keizinan orang Islam.

Dapat dirumuskan penghujahan yang dikemukakan adalah penghujahan yang *valid* dan berautoriti. Ia wajar dijadikan satu kaedah umum dalam berurus dengan orang bukan Islam. Ia memberikan pilihan yang lebih luas dalam memastikan hubungan yang baik dengan orang bukan Islam. Pertimbangan ini adalah selaras dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Kepentingan Nasional, Seksyen 43. *Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti.

Namun begitu, pandangan dalam mazhab Syafi'i perlu dicerakinkan dengan mendalam. Melihat dengan lebih teliti, pandangan dalam mazhab Syafi'i turut membincangkan tentang keharusan bagi orang kafir untuk tidur dalam masjid dengan syarat-syarat yang dikemukakan sebagaimana dibahaskan oleh al-Nawawi (t.th). Imam al-Nawawi juga membincangkan keadaan orang kafir yang berjunub atau tidak berjunub dan status *harbi* (orang kafir yang diperangi) bagi orang kafir untuk memasuki masjid. Al-Ansari (t.th) pula membahaskan permasalahan ini dengan membezakan antara masjid dan surau. Beliau juga menekankan tentang isu *ta'dhir* bagi seorang kafir yang memasuki masjid tanpa keizinan. Al-Ramlī al-Kabir (t.th) pula membincangkan tentang kedudukan wanita kafir yang haid memasuki masjid.

Penghujahan Berasaskan Kaedah Sadd al-Dhara'i'

Berdasarkan beberapa kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada prinsip menghalang kemudaratian yang akan berlaku. Kaedah ini telah digunakan dengan optima. Antaranya bagi meletakkan hukum haram ke atas senaman yoga. Ia menyatakan "Masyarakat mesti dijauhkan daripada perkara-perkara yang jika dibiarkan akan membawa malapetaka keburukan yang lebih besar iaitu mempromosi ajaran agama Hindu berdasarkan kepada kaedah syara 'sadd al-dhara'i' iaitu menyekat jalan-jalan kerosakan" (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam fatwa melarang orang bukan Islam beramal sebagai Peguam Syarie, asas pertimbangan fatwa menyatakan: "Menbenarkan bukan Islam menjadi Peguam Syarie boleh membuka ruang kepada kes-kes percubaan keluar agama dan menghina agama Islam." (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama di Dalam Masjid menyatakan: "Pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid. Perlakuan serta tingkah laku mereka hendaklah tidak mencemarkan kesucian masjid, sentiasa terkawal dan beradab (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th); "Walau bagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakkur oleh pelancong bukan Islam di dalam masjid mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang" (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Menjawab persoalan: Bolehkah pelancong bukan Islam berdoa dan bertafakkur mengikut (cara agama) mereka dalam masjid? Hujah yang digunakan bagi melarang perbuatan tersebut ialah: berdoa dan bertafakkur orang bukan Islam di dalam masjid mengikut cara mereka adalah dilarang sama sekali. Ini mengambil kira faktor sensitiviti umat Islam negara ini mengambil berat isu kehormatan tempat suci

umat Islam supaya tidak dicemari dengan perlakuan yang boleh menimbulkan syak wasangka (fitnah) (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja, asas pertimbangan fatwa menyatakan: Memberi kelonggaran kepada bukan Islam menggunakan kalimah Allah akan menimbulkan salah faham dalam kalangan umat Islam. Hasilnya akan ada umat Islam akan menyangka 'Allah' di dalam agama-agama yang lain adalah sama dalam agama Islam (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam Fatwa yang sama juga, Asas Pertimbangan Fatwa Menyatakan: (Kebenaran Penggunaan Kalimah Allah Kepada Bukan Islam) Akan Menyemarakkan Lagi Api Pluralisme dan Liberalisme Beragama di Kalangan Masyarakat di Malaysia (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja, asas pertimbangan fatwa mengemukakan kesan-kesan penggunaan kalimah Allah oleh bukan muslim iaitu (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th):

1. Berpotensi menjaskan akidah dan pemikiran umat Islam yang kebanyakannya kurang mantap.
2. Berpotensi menimbulkan salah faham kepada umat Islam dan umat-umat yang lain.
3. Boleh menimbulkan rasa tidak senang dan suasana tidak sihat di kalangan umat Islam dan orang bukan Islam.
4. Boleh mengancam keselamatan, keamanan dan keharmonian masyarakat awam dan komuniti Islam.
5. Boleh menyemarakkan lagi fahaman Pluralisme dan Liberalisme di kalangan masyarakat di negara ini.
6. Membantu menyemarakkan lagi penyebaran fahaman salah oleh pendakwah Kristian atau pendakwah agama-agama yang lain.

Pengaplikasian *sadd al-dhari'ah* adalah selaras dengan kefahaman terhadap al-Quran al-Karim, antaranya dalam firman Allah dalam al-Quran (6: 108). Kaedah ini amat penting walau pun ia bukan merupakan sebahagian dari *usul al-fiqh* dalam mazhab Syafi'i. Namun begitu secara asasnya ia merupakan praktik yang disepakati dalam kalangan fuqaha Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qurafi (t.th).

Dhari'ah bermaksud sesuatu yang pada zahirnya adalah harus tetapi digunakan untuk sampai kepada sesuatu perbuatan yang haram (Ibn Rushd al-Jadd, 1988). Al-Syafi'i (1990) dilihat mengaplikasikan *sadd al-dhara'i* dalam pembinaan hukum bagi beberapa kes tertentu. Misalnya, dalam masalah berikut:

Pada menghalang air untuk mengelak tumbuh-tumbuhan yang merupakan rahmat Allah adalah satu (hukum) yang am yang membawa salah satu daripada dua makna berikut: Salah satunya ialah apa yang merupakan *dhari'ah* kepada tegahan terhadap apa yang dihalalkan oleh Allah adalah tidak dihalalkan. Begitu juga sesuatu yang merupakan *dhari'ah* kepada menghalalkan yang haram. Berkata Imam Syafi'i: Jika yang demikian

itu seperti itu, maka dalam masalah ini (terdapat) apa yang menthabitkan bahawa *dhari 'ah* kepada yang halal dan yang haram sama seperti makna-makna halal dan haram.

Ibn Rif'ah daripada mazhab Syafi'i membahagikan *dhari 'ah* kepada tiga bahagian seperti yang dinukilkan oleh al-Syawkani (1999):

1. *Dhari 'ah* yang secara *qat'i* membawa kepada yang haram. Hukumnya adalah haram di sisi mazhab Syafi'i dan mazhab Maliki.
2. *Dhari 'ah* yang secara pasti tidak membawa kepada yang haram tetapi bercampur dengan yang membawa kepada yang haram (adakala membawa kepada yang haram). Sebagai *ihtiyat*, ia perlu ditegah.
3. *Dhari 'ah* yang mempunyai *ihtimal* (kemungkinan) membawa kepada yang haram atau sebaliknya. Pentarjihan dalam perkara ini adalah berbeza menurut para ulama yang menerima *dhari 'ah* sebagai hujah.

Ibn Hajar al-'Asqalani (t.th) turut menerima penghujahan *sadd al-dhari 'ah*. Beliau menyatakan bahawa sesiapa yang meramal perbuatannya akan membawa perkara yang diharamkan maka perbuatan itu haram juga ke atasnya, sekalipun dia tidak bermaksud untuk melakukan perkara yang haram. Beliau menukilkan kata Ibn Battal, katanya: "Hadis ini ialah asal bagi kaedah *sadd al-dhari 'ah* (menutup jalan-jalan kerosakan) (Ibn Hajar, t.th).

Dapat dirumuskan bahawa penggunaan *sadd al-dhari 'ah* diaplikasikan dengan meluas dalam fatwa-fatwa yang dikemukakan. Penghujahan yang dikemukakan secara asasnya adalah penghujahan yang *valid* dan berautoriti. Namun begitu, aspek pembuktian terhadap kemudaratannya yang akan berlaku tidak dikemukakan. Kesan-kesan yang dijangka hanya dinyatakan sahaja tanpa rujukan kepada pandangan pakar atau sumber literatur atau dapatan kajian yang kukuh. Sewajarnya, kesan-kesan tersebut walau pun merupakan kesan yang *valid* namun begitu, ia perlu kepada kesahan yang lebih kuat.

Penghujahan Berasaskan Larangan Menyerupai Orang Kafir

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada larangan menyerupai orang kafir. Penghujahan ini digunakan bagi meletakkan hukum haram ke atas senaman yoga (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Asas pertimbangan yang diaplikasikan berdasarkan kepada larangan penyerupaan dengan bukan muslim. Ia merupakan pertimbangan yang amat jelas yang disandarkan kepada beberapa nas antaranya sabda Nabi S.A.W:

Maksudnya: Barangsiapa menyerupai suatu kaum maka ia termasuk bahagian dari mereka.

(H.R. Abu Dawud)

Nabi S.A.W juga menyuruh agar umat Islam berbeza dengan orang Yahudi sebagaimana sabda Baginda:

Maksudnya: Berbezalah dengan kaum Yahudi kerana sesungguhnya mereka tidak pernah solat dengan memakai sandal mereka dan tidak pula dengan khuf mereka.

(H.R. Abu Dawud)

Hadis ini secara jelas menghalang penyerupaan dengan bukan muslim. Sebahagian ulama memberikan konotasi yang lebih terperinci sebagaimana yang dinyatakan oleh al-San'ani (t.th): hadis ini (melarang penyerupaan) menunjukkan sesiapa yang menyerupai atau meniru orang yang fasiq, orang kafir, atau pembuat bida'ah maka dia adalah daripada kalangan mereka (sama seperti mereka). Di mana dia meniru apa yang khusus bagi mereka seperti pakaian, tunggangan atau gerak-geri mereka. Bazmul (2021) memberikan pandangan yang lebih mendalam:

Menyerupai ahli Kitab secara total (iaitu dalam segala bentuk aspek) adalah haram dan berkonsekuensi bahawa pelakunya kafir. Misalnya orang yang menyerupai orang kafir dalam segala hal baik pakaian, kebiasaan, gaya hidup, etika, dan akhlaq. Adapun penyerupaan secara *parsial* dalam sebahagian kebiasaan orang kafir, hukumnya adalah haram. Kerana *tasyabbuh* bererti ikut mensyiarakan kekafiran dan kemaksiatan mereka, itulah di antara hikmahnya.

Sehubungan dengan itu, ada penyerupaan yang diharamkan dan ada yang dihukum sebagai boleh sama ada makruh atau harus. Ada beberapa keadaan, *tasyabbuh* hanya bersifat makruh seperti melakukan *qaza`* (memotong atau bercukur sebahagian rambut dan meninggalkan sebahagian yang lain), melumurkan kepala bayi selepas bercukur dengan darah aqiqah kerana mengikut adat Jahiliyyah dan puasa secara tunggal pada hari Jumaat kerana orang Nasrani dan Yahudi mengkhususkan ibadah pada hari Khamis dan Jumaat. Ada beberapa keadaan, penyerupaan adalah harus iaitu apabila berlaku perubahan kepada situasi seperti pemakaian tawalisah dan tali leher (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Dapat dirumuskan penghujahan yang dikemukakan adalah penghujahan yang *valid* dan berautoriti. Ia wajar dijadikan satu kaedah umum dalam berurus dengan orang bukan Islam khususnya dalam sesebuah negara dengan majoriti umat Islam. Namun begitu, persamaan dan *tasyabbuh* pada aspek keagamaan yang sewajarnya ditekankan.

Penghujahan Berasaskan Kedudukan Islam

Berdasarkan beberapa kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada kedudukan Islam di Malaysia. Secara khusus, ia berdasarkan kepada kedudukan Islam dalam masyarakat dan sistem kenegaraan di Malaysia.

Dalam fatwa melarang orang bukan Islam beramal sebagai Peguam Syarie, asas pertimbangan fatwa menyatakan: Mahkamah Syariah menjadi hak eksklusif orang Islam, kerana undang-undang yang terpakai di Mahkamah Syariah hanya melibatkan pertikaian orang-orang Islam sahaja. Maka pihak yang mewakili orang-orang yang bertikai ini juga mestilah orang Islam sahaja. Orang-orang yang bertikai ini juga mestilah orang Islam sahaja (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam fatwa penggunaan kalimah Allah hanya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam agama Islam sahaja, asas pertimbangan fatwa menyatakan: Penggunaan kalimah Allah kepada umat

Kristian atau bangsa-bangsa yang lain adalah tidak bertepatan dan selari dengan prinsip-prinsip al-Quran, al-Sunnah dan *ijma'* kerana agama yang benar di sisi Allah hanyalah agama Islam. Firman Allah dalam Surah Ali 'Imran ayat 19 (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam fatwa penggunaan kalimah Allah hanya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa. Dalam agama Islam fatwa menyatakan: Penggunaan Kalimah Allah hanya dikhkususkan kepada umat Islam (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Menjawab persoalan: Bolehkah pelancong Islam berdoa dan bertafakkur mengikut (cara agama) mereka dalam masjid? Hujah yang digunakan bagi melarang perbuatan tersebut ialah: berdoa dan bertafakkur bagi orang bukan Islam di masjid mengikut cara agama mereka adalah dilarang sama sekali. Ini mengambil kira faktor sensitiviti umat Islam negara ini mengambil berat isu kehormatan tempat suci umat Islam supaya tidak dicemari dengan perlakuan yang boleh menimbulkan syak wasangka (fitnah) (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Fatwa dan perbahasan yang telah dikemukakan memperlihatkan bahawa aspek ketinggian Islam sebagai semata-mata agama yang benar telah dijadikan sandaran dalam menetapkan hukum berkaitan dengan bukan muslim. Malah adanya unsur mempromosi agama lain, turut menjadi asas kepada pengharaman senaman Yoga yang dilihat mempromosi ajaran agama Hindu (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th). Ketetapan ini selaras dengan firman Allah S.W.T dalam al-Quran (3: 85) dan sabda Nabi S.A.W:

Maksudnya: Islam itu tinggi dan tiada yang ditinggikan melebihinya.

(H.R. al-Bayhaqi)

Dapat dirumuskan penghujahan yang dikemukakan adalah penghujahan yang *valid* dan berautoriti. Ia wajar dijadikan satu kaedah umum dalam berurus dengan orang bukan Islam dalam sesebuah negara dengan majoriti umat Islam. Perlembagaan yang menetapkan kedudukan istimewa bagi Islam dalam negara Malaysia wajar diberikan nilai penghujahan ketika mengemukakan penghujahan kepada orang bukan Islam. Ia juga boleh disandarkan kepada kefahaman dalam agama bukan Islam yang menyarankan penganutnya agar mematuhi arahan dan ketetapan pemerintah dalam sesebuah negara.

Penghujahan Berasaskan Pertimbangan Kemaslahahatan

Berdasarkan beberapa kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada kaedah kemaslahatan. Dalam Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam Agama Islam Sahaja, asas pertimbangan fatwa menyatakan: Pandangan yang membenarkan kalimah Allah kepada bukan Muslim atas tujuan maslahat dakwah Islamiyah tidak dapat diterima kerana banyak lagi kaedah atau cara lain yang boleh digunakan untuk tujuan maslahat dakwah selain daripada penggunaan kalimah Allah oleh bukan Muslim (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Dalam memberikan pertimbangan di atas, fatwa dilihat menolak aspek kemaslahatan yang dikemukakan iaitu bagi tujuan dakwah Islamiyyah. Namun begitu, ia wajar diberikan penelitian kerana *sighah* fatwa yang terlampau umum menyebabkan Islam seolah-olah menutup ruang perbincangan dengan bukan muslim dan menimbulkan kemudaratian yang wajar dielakkan (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th):

Mana-mana penganut selain daripada penganut Agama Islam adalah dilarang daripada menggunakan Kalimah Allah untuk sebarang tujuan atau maksud; “Orang-orang yang bukan beragama Islam adalah dilarang daripada menggunakan kalimah Allah dalam apa jua penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya.

Penghujahan berasaskan kepada maslahah adalah selaras dengan kaedah yang ditetapkan oleh para ulama (al-Shatibi, t.th): Ketetapan syariat adalah bagi kemaslahatan hamba sekarang dan kemudiannya secara bersekali.

Maslahah yang dimaksudkan ialah penjagaan ke atas maksud syarak (*al-muhafazah ‘ala maqsud al-syar’*) untuk makhluknya yang tersimpul dalam penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap sesuatu sama ada polisi, hukum-hakam, tindak-tanduk, perkataan dan lain-lain yang membawa kepada penjagaan kelima-lima asas di atas adalah *maslahah*. Manakala setiap hukum-hakam, polisi, tindak-tanduk, perkataan dan lain-lain yang menggugat salah satu daripada kelima-lima asas tersebut adalah *mafsadah* dan mengelak daripadanya adalah *maslahah* (al-Ghazali, 1993).

Menurut al-Ghazali (1993) juga, *maslahah* dibahagikan kepada beberapa tahap iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. *Maslahah* yang bersifat *daruriyyat* adalah *maslahah* yang terpenting dalam erti kata ia perlu sentiasa diutamakan khususnya bilamana bertembung dengan *maslahah* lain yang bersifat *hajiyyat* atau *tahsiniyyat* sahaja. Menurut al-Asfahani (1986), yang dimaksudkan dengan *daruriyyat* dalam konteks perbincangan al-Ghazali ialah lima perkara *daruriyyah* iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, nasab dan harta.

Dapat dirumuskan penghujahan yang dikemukakan adalah penghujahan yang *valid* dan berautoriti. Ia wajar dijadikan satu kaedah umum dalam berurusan dengan orang bukan Islam. Namun begitu, pertimbangan kemaslahatan dan kemudaratan wajar dilaksanakan dengan lebih meluas dan berstruktur.

Penghujahan Berasaskan Tindakan Pihak Berkuasa

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan dalam fatwa berkait bukan muslim, penghujahan yang digunakan bersandarkan kepada autoriti yang ada bagi pihak berkuasa. Dalam Fatwa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa Dalam Agama Islam Sahaja, asas pertimbangan fatwa menyatakan: Perkara ini adalah atas asas Siyasah Syari'yyah yang merupakan peluang bagi pemerintah Islam dalam negara Islam yang mempunyai kuasa untuk menjaga akidah umat dari sebarang ancaman (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.th).

Kedudukan pihak berkuasa sebagai asas penetapan sesuatu hukum adalah selaras firman Allah S.W.T dalam al-Quran (4: 59). Ia juga selaras dengan perakuan kaedah fiqah (al-Suyuti, t.th): Tindakan pemimpin terhadap rakyat adalah berdasarkan *maslahah*.

Al-Subki (1991) menyatakan bahawa setiap yang bertindak (*bertasarruf*) bagi pihak lain mesti sentiasa memastikan *maslahah* pihak tersebut sentiasa terjaga. Semestinya mengelak *mafsadah* adalah satu kemestian sehingga jika *mafsadah* dan *maslahah* tersebut berada di tahap yang sama maka pihak pemerintah mesti bertindak mengelak *mafsadah*.

Al-Qurafi (t.th) menegaskan bahawa *tasarruf* atau tindak-tanduk pemerintah sebenarnya mesti dalam lingkungan empat perkara iaitu sama ada (i) menghasilkan *maslahah* semata-mata, (ii) menghasilkan *maslahah* yang *rajihah*, (iii) mengelak *mafsadah* semata-mata atau (iv) mengelak *mafsadah rajihah*.

‘Izz al-Din (1991) menegaskan bahawa pemerintah seharusnya menggubal polisi dan undang-undang yang paling *aslah* untuk mereka yang di bawah kepimpinannya iaitu dengan mengelak *mafsadah* dan menghasilkan manfaat. Justeru, setiap tindak-tanduk pemerintah yang mendatangkan kefasadan dan menghapuskan kemaslahatan adalah ditegah seperti tindakan meluputkan harta tanpa sebarang sebab yang mendatangkan faedah. Syarak juga sentiasa menekankan sesuatu yang paling *aslah* walaupun dengan mengorbankan sesuatu yang berupa *maslahah* sebagaimana ia mengelak sesuatu yang lebih *fasid* dengan melakukan sesuatu yang *fasid*.

Dapat dirumuskan bahawa pemerintah perlu meletakkan ketetapan yang memberikan manfaat kepada rakyat dan menolak kemudarat yang mendatang. Justeru, penghujahan yang digunakan berkaitan bukan muslim dilihat mempunyai justifikasi yang baik. Namun begitu, kemaslahatan dan keburukan perlu dibuktikan dengan lebih jelas lagi melalui sumber-sumber yang berautoriti dan *valid* seperti pandangan pakar dan dapatan kajian ilmiah.

Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa fatwa negeri Perak yang telah dianalisis berkaitan bukan muslim mengaplikasi keempat-empat sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran, hadis, qias dan *ijma'*. Di samping itu, fatwa negeri Perak turut mengaplikasi penghujahan berdasarkan ketetapan oleh negeri-negeri lain dalam Malaysia, pandangan pelbagai mazhab dalam Islam, *sadd al-dhara'i*, larangan menyerupai orang kafir, kedudukan Islam dalam negara, pertimbangan kemaslahahatan dan tindakan pemimpin terhadap rakyat. Sebahagian penghujahan yang digunakan merupakan kaedah yang telah diterima pakai oleh para fuqaha. Kaedah pengeluaran fatwa wajar diselaraskan (di'*standardize*'kan) melihat kepada keperluan semasa di samping kaedah tradisi yang digunakan. Antara elemen yang boleh diketengahkan ialah penghujahan berdasarkan ketetapan negeri-negeri dan kedudukan Islam di Malaysia. Beberapa aspek boleh diperkemaskan bagi memastikan penghujahan dan pendokumentasian yang lebih baik. *Turuq istidlal* wajar diberikan analisis sewajarnya. Sebahagian penghujahan wajar dinaiktaraf sebagai kaedah *fiqhiiyah* yang boleh diaplikasikan dalam fatwa berkaitan bukan muslim. Antara penghujahan tersebut ialah larangan menyerupai orang kafir dan kedudukan Islam dalam negara.

Rujukan

- ‘Izz al-Din. (1991). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Bakar, M. S. (1987). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Dawud. (t.th). *Sunan Abi Dawud*. Jilid 1 & 4. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Al-Ansari, Zakariyya. (t.th). *Asna al-Matalib fi Sharh Rawd al-Talib*. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Al-Asfahani. (1986). *Bayan al-Mukhtasar Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Dar al-Madani.
- Al-Bayhaqi. (t.th). *Sunan al-Bayhaqi*. Jilid 6. Al-Maktabah al-Shamilah.

- Al-Ghazali. (1993). *Al-Mustasfa*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi. (t.th). *Al-Majmu'*. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Al-Qurafi. (t.th). *Al-Furuq*. Alam al-Kutub.
- Al-Ramli al-Kabir. (t.th). *Hashiah Asna al-Matalib*. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Al-Shathari. (2007). *Hukm Taqnin al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Sumay'i.
- Al-Shatibi. (t.th). *Al-Muwafaqat*. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Al-Shawkani. (1999). *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*. Dar al-Kitab al-'Arab.
- Al-Subki. (1991). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sun'ani. (t.th). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Al-Maktabah al-Shamilah
- Al-Suyuti. (t.th). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*, al-Kitab al-Thani, al-Qa'idah al-Khamisah. Diakses pada 14 September 2019.
http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=36&ID=90.
- Al-Syafi'i. (1990). *Kitab al-Umm*. Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tirmidhi. (t.th). *Sunan al-Tirmidhi*. Jilid 4 & 5. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Babbie, Earl. (1998). *The Basic of Social Research*. Wadsworth Publishing Company.
- Bailey, K. D. (1994). *Methods of Social Research*. A Division of Macmillan Inc.
- Bazmul, M. U. S. (2021). *Batasan dalam Menyerupai Orang Kafir*. <https://muslim.or.id/22750-fatwa-ulama-batasan-dalam-menyerupai-orang-kafir.html>.
- Dewan Undangan Negeri Perak. (2004). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak).
- Embong, Z. (2022). Pengurusan Masyarakat Kepelbagaian dalam Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia: Satu Analisis. Proceeding of International Conference on Ummah 2022.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (t.th). *Fath al-Bari*. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Ibn Rushd al-Jadd. (1988). *Al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). Isu Tuntutan Penganut Kristian terhadap Penggunaan Kalimah Allah. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/find/pr/15329>.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. (t.th). *Fatwa Negeri Perak 1994-2015*. Jabatan Mufti Negeri Perak.
- Malik. (t.th). *Al-Muwatta'*. Jilid 1. Al-Maktabah al-Shamilah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Muslim Menyertai Pesta Pongal.
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/3062-al-afkar-39-muslim-menyertai-pesta-pongal>.
- Surachmad, W. (1970). *Pengantar Metodologi Ilmiah*. CV Tarsito.
- Yasin, S. K., & Adam, F. (2015). Konflik perpaduan kaum dalam ketamadunan masyarakat Melayu Malaysia [kertas kerja]. Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Yusuff, N. A. (2015). Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan Jalan penyelesaiannya. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/9172/>.

Zulkifli al-Bakri. 2022. 8 Penghinaan Terhadap Agama Islam. <https://www.zulkiflialbakri.com/8-penghinaan-terhadap-agama>.